

## **PENGAGIHAN PENJUALAN KEDAI**

Apabila pembinaan bangunan mencapai tahap 20%, syarikat akan mula mengiklankan tawaran untuk membeli lot premis kedai tersebut di akhbar-akhbar tempatan dan borang-borang permohonan boleh diperolehi di pejabat. Penilaian pemohon melibatkan proses temuduga.

Berasaskan penilaian dan temuduga tersebut, Syarikat akan membuat rekomendasi dan keputusan lanjut berhubung tawaran pembelian kedai serta pengagihan lot premis kedai tersebut adalah tertakluk kepada tatacara pemilihan yang melibatkan 2 peringkat.

### **i. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Peringkat Daerah**

Ahli mesyuarat terdiri daripada Pegawai Daerah kawasan berkenaan selaku pengerusi mesyuarat, kumpulan Professional, kakitangan sektor awam dan swasta manakala syarikat hanya berperanan selaku urusetia. Cadangan dan rekomendasi pemohon yang layak untuk ditawarkan hasil daripada mesyuarat tersebut akan dimajukan ke peringkat seterusnya.

### **ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Peringkat Negeri**

Keputusan muktamad akan dibuat di dalam mesyuarat ini. Ahli mesyuarat terdiri daripada Menteri atau Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian selaku Pengerusi Mesyuarat, Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Hasil Bumi, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian, Pengerusi PRSB dan Pengurus Besar Kumpulan SEDCO manakala syarikat sekali lagi berperanan selaku urusetia.

Bagi tawaran sewa, kelulusan permohonan hanya perlu dimuktamadkan di peringkat Pengurusan syarikat.



***Sesi penyerahan kunci rumah kedai oleh pegawai syarikat kepada pembeli rumah kedai sosio-ekonomi Pekan Baru Sikuati, Kudat.***